

Empat pelajar UMS sertai Program Pengukuhan Rakan Muda

UB 21.03.2012 B3

EMPAT kepimpinan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menyertai Program Pengukuhan Rakan Muda IPT 2012 yang telah diadakan di Menara Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya.

Program sehari itu disertai oleh 54 buah IPT Awam dan Swasta dari seluruh negara dan dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha, Pengurusan dan Antarabangsa; Datuk Jamil Saleh .

Empat orang mahasiswa UMS yang mewakili UMS iaitu, Mohd Juhar Harun dan Mohd Abu Suhud Faizal, dari Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS sesi 2010/2011 dan Muhammad Jumrat Minsun dan Mohd Syamsul Samsuddin, dari Sekretariat Rakan Muda

UMS yang diiringi oleh seorang pegawai pengiring iaitu Norhana Nordin; Pegawai HEPA UMS.

Program tersebut bermatlamat untuk membuka ruang perbincangan dua hala antara Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Pimpinan pelajar IPT seluruh negara untuk berkongsi cadangan atau penambahbaikan perlaksanaan program Rakan Muda di peringkat kampus di seluruh Malaysia.

Selain itu, program ini juga dilaksanakan untuk meningkatkan keberkesanannya peranan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Sekretariat



NORHANA (kiri) menerima logo baru secretariat Rakan Muda IPT dari Dato' Razali Ibrahim.

Rakan Muda (SRM) IPT dalam memupuk semangat kerjasama untuk menjayakan program Kementerian Belia dan Sukan di peringkat Kampus.

Sesi ramah mesra bersama Timbalan Menteri Belia dan Sukan; Dato' Razali Ibrahim turut dilaksanakan dalam program tersebut untuk memperlihatkan objektif dalam merapatkan hubungan antara pemimpin negara bersama-sama pemimpin pelajar.

Sesi penyampaian Logo Sekretariat Rakan Muda IPT

kepada semua wakil setiap IPT turut menjadi salah satu agenda program tersebut.

Program itu memperlihatkan keberkesanannya dan mencapai matlamat yang disasarkan oleh pihak pengajur apabila seramai 121 peserta dan wakil daripada semua IPT telah

hadir.

Pelbagai lagi usaha-usaha pihak kerajaan dalam memupuk semangat kesukarelawan dalam kalangan golongan belia.

Antara usaha-usaha tersebut ialah dengan menubuhkan Program MYCORPS, i-Volunteer, Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), Program Keusahawanan Rakan Muda dan pelbagai lagi.

Program terbesar Kementerian Belia dan Sukan yang akan datang ialah Himpunan Jutaan Belia di Putrajaya pada 23 sehingga 27 Mei 2012 dan semua

rakyat Malaysia dijemput hadir untuk menjayakannya.

Untuk keterangan lanjut tentang program Himpunan Jutaan Belia 2012 ini orang ramai boleh melayari www.hbn.gov.my.

MOHD JUHAR sedang bertanyakan soalan dalam program tersebut.
(Gambar kanan)



NORHANA (tiga kiri) dan empat mahasiswa UMS bergambar kenangan bersama Dato' Razali Ibrahim. (Gambar bawah)

